

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN BIN MALEK**  
**[ KUALA PILAH ]**

**TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Hasan bin Malek [ Kuala Pilah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan SPAD dalam meningkatkan mutu bas henti-henti terutama di kawasan luar bandar dari aspek keselesaan penumpang serta keselamatan pengguna. Adakah SPAD berhasrat untuk mengeluarkan lesen kepada kereta-kereta sewa haram yang berleluasa di bandar-bandar kecil.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan sememangnya peka dengan keperluan menyediakan perkhidmatan bas berhenti-henti yang efisien dan selamat agar dapat manfaat yang optimum kepada pengguna sama ada di kawasan bandar mahupun di luar bandar.
2. Antara inisiatif yang diambil oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) adalah penambahbaikan rangkaian perkhidmatan bas henti-henti dengan mengenalpasti laluan-laluan baru di daerah-daerah terpilih setiap negeri di Semenanjung Malaysia. Laluan tersebut akan memastikan kesalinghubungan (*connectivity*) di antara kawasan bandar dengan luar bandar serta menyediakan perkhidmatan yang berkualiti.
3. Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat (RIPAD) di setiap negeri telah ditubuhkan bagi meneliti keperluan dan menyediakan perancangan di daerah-daerah yang dikenal pasti di negeri masing-masing. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan diurusetiaikan oleh SPAD.
4. Projek perintis skim Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-henti (SBST) juga telah dilancarkan. Ia telah mula beroperasi di Seremban dan Kangar dan seterusnya akan turut dilaksanakan di Kuching, Ipoh dan Kuala Terengganu yang akan menyediakan perkhidmatan bas

henti-henti yang menghubungkan kawasan bandar dengan luar bandar.

5. Pelan Laluan Bas dan Pelan Operasi Bas telah disediakan di kesemua kawasan berkenaan. Pada masa yang sama, Pelan Infrastruktur Bas turut disediakan untuk mengenalpasti infrastruktur bas yang perlu dipertingkatkan atau/dan dibina baru. Pelan Infrastruktur ini disediakan bagi memudahkan pihak Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam melengkapkan infrastruktur pengangkutan awam di kawasan masing-masing.

6. Sementara itu, Kerajaan turut menyediakan dana sokongan *Interim Stage Bus Support Fund* (ISBSF) untuk pengendali bas berhenti-henti di kawasan luar bandar terutama di kawasan yang mempunyai permintaan yang rendah. Dengan bantuan dana ini, pengendali bas dapat meneruskan perkhidmatan di laluan sosial, iaitu laluan yang tidak menguntungkan tetapi diperlukan oleh orang ramai. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah membelanjakan RM529 juta bagi tempoh tahun 2012 sehingga 2015.

7. Menerusi dana sokongan ini, pengusaha bas berhenti-henti disasar akan dapat menambahbaik perkhidmatan seperti memastikan bas sedia ada diselenggara mengikut jadual yang dapat mengurangkan risiko kerosakan dan sebagainya. Ini secara langsung dapat memberi keselesaan dan meningkatkan aspek keselamatan kepada pengguna.

Sekian, terima kasih.